

Jangan abaikan bidang ekonomi

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KOTA BAHARU, Ahad — Naib Presiden Umno Malaysia, Tengku Amad Rithauddeen, mengingatkan ahli-ahli pergerakan pemuda Umno supaya jangan mengabaikan bidang perdagangan dan perindustrian.

Katanya, jika mereka mengabaikan kedua bidang itu, ia mungkin membawa kesan kepada perkembangan politik.

Beliau, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menegaskan betapa pentingnya kekuatan ekonomi dan politik diseimbangkan untuk memperkuat Umno.

Beliau menyebut

demikian dalam perjumpaan dengan Jawatankuasa Perhubungan Pergerakan Pemuda Umno Negeri Kelantan semalam.

Merebut

Tengku Rithauddeen mahu supaya pemuda Umno bergerak lebih cergas dalam bidang perdagangan dan perindustrian, kerana bidang ekonomi seperti politik, amat penting.

Katanya, kerajaan membuka pintu dan memberi galakan serta peluang kepada pemuda untuk mencebur diri dalam lapangan ekonomi.

Menurut Tengku Rithauddeen, setakat ini penyertaan pemuda Umno dalam bidang ekonomi tidak begitu banyak.

Beliau berharap ahli pemuda Umno negeri ini akan tampil ke hadapan untuk merebut segala peluang yang ada kerana Kelantan sedang pesat

membangun.

Tengku Rithauddeen berkata, pihaknya akan memberi pertolongan dan galakan, selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Beliau menggesa ahli pemuda Umno khususnya, mengemukakan sikap suka makan gaji dengan kerajaan.

"Peluang dalam kedua bidang itu bukan saja luas, malah boleh mendapatkan keuntungan yang besar," ujarnya.